

06/10/1999

Ramai pelajar Prasains berjaya

Syuhada Choo Abdullah

KIRA-kira 12,600 atau 90 peratus daripada 14,000 pelajar Melayu berjaya memperoleh diploma melalui program Prasains Universiti Teknologi Mara yang diperkenal sejak 1989.

Penolong Rektor (Perhubungan Luar dan Antarabangsa) Universiti Teknologi Mara, Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata daripada jumlah itu, 30 hingga 40 peratus pelajar terbabit melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dalam bidang sains dan teknologi sama ada di universiti tempatan atau luar negara.

Beliau berkata, perkembangan memberangsangkan itu sekali gus membuktikan bahawa pelajar Melayu tidak lemah dalam penguasaan mata pelajaran sains, sebaliknya pencapaian terdahulu mereka yang kurang menggalakkan adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti sikap dan persekitaran.

Menurutnya, ini kerana program Prasains itu adalah terbuka kepada pelajar Melayu aliran sains yang gagal memperoleh keputusan baik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan tidak mendapat tawaran memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Malah selain pelajar aliran sains, katanya, pengambilan program Prasains Universiti Teknologi Mara turut merangkumi lepasan SPM dalam jurusan agama dan juga sastera.

"Justeru terbukti bahawa dengan adanya peluang kedua, pelajar berkenaan boleh berjaya menjadi doktor dan juga jurutera melalui program Prasains walaupun mereka hanya memperoleh gred tiga dalam keputusan SPM.

"Malah, hasil kajian kami mendapati punca pelajar Melayu tidak memperoleh keputusan baik ketika peperiksaan SPM bukanlah kerana mereka lemah ataupun tidak pintar dalam mata pelajaran sains.

"Sebaliknya menurut data yang kami kumpul menunjukkan bahawa ibu bapa, kemiskinan, persekitaran, belajar waktu akhir, corak pengajaran dan guru yang membosankan adalah antara punca kegagalan mereka.

"Maka kini terbukti bahawa jika pelajar dengan ilmu asas diberi dorongan, galakan, kemudahan dan peluang serta diajar oleh guru yang bersemangat, mereka boleh berjaya," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Program Prasains Universiti Teknologi Mara adalah program selama enam bulan dengan syarat kemasukan minimum lulus sekurang-kurangnya P8 dalam mata pelajaran Matematik dan satu subjek Sains.

Pelajar yang berjaya lulus dalam program itu akan diterima memasuki kursus sains dan teknologi di Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, serta Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur universiti terbabit.

Menurut Dr Sahol Hamid, penganjuran program Prasains itu adalah selaras dengan harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membuktikan penguasaan pelajar Melayu dalam bidang sains.

Sehubungan itu, katanya, beliau menolak andaian bahawa pelajar Melayu lemah dan sukar menguasai aliran sains ataupun mereka tidak akan boleh mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi.

"Terlalu banyak kritikan serta andaian kurang berasas dilemparkan, dan kritikan sedemikian hanya akan melemahkan semangat pelajar Melayu untuk menceburi bidang sains selepas Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau memasuki kursus sains dan teknologi selepas SPM.

"Kritikan daripada pelbagai pihak akan mewujudkan satu keadaan di mana minda pelajar Melayu akan menerima bahawa mereka betul-betul lemah dalam

sains dan kesannya adalah amat buruk.

"Kita seharusnya membina minda positif di kalangan pelajar Melayu, bukan menghentam mereka dengan aspek negatif yang akan merosak minda ataupun membuatkan mereka percaya bahawa mereka adalah lemah.

"Bagi membina satu bangsa Malaysia yang pintar dalam bidang sains, adalah baik untuk semua kaum cemerlang dalam sains dan teknologi demi kepentingan serta mata depan negara," katanya.

(END)